

PELANCONGAN ISLAM BERASASKAN UJRAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU PENGENALAN¹

SETIYAWAN GUNARDI
WAN ROASMIRA BT WAN ABDUL WAHAB

setiyawan@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Pelancongan Islam merupakan bahagian daripada aktiviti kehidupan manusia untuk melihat alam persekitaran yang berlainan. Pelancongan juga boleh membawa manusia untuk melihat infrastruktur ketamadunan. Namun, hal ini perlu kepada keselarasan kepada prinsip Islam agar pelancongan boleh menjadi sebagai satu alternatif percutian yang Syar'i. Ujrah merupakan satu konsep yang menjadi akad transaksi mumalah perlu dikaji secara mendalam sehingga boleh menjelaskan kedudukan dari sudut Syariah. Pelancongan Islam dan ujrah mempunyai hubungan yang rapat. Oleh itu, perlu mengkaitkan antara pelancongan dan ujrah bagi melihat keterikatan satu sama lain. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan pelancongan Islam dan produk-produk perkhidmatan yang ditawarkan. Seterusnya, melihat konsep ujrah dalam muamalah secara mendalam bagi memastikan kepiawaian aplikasi ujrah ke dalam sektor pelancongan mengikut kehendak syarak. Kajian menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan analisis data yang didapati melalui kajian kepustakaan, artikel dan website yang memuatkan pelancongan Islam. Kajian mendapati bahawa produk-produk perkhidmatan pelancongan Islam telah menggunakan konsep ujrah dalam menjalankan aktiviti. Implikasi kajian ini adalah individu dan industri akan menggunakan ujrah sebagai prinsip pelancongan Islam bagi mengembangkan ekonomi Islam dan kesejahteraan umat.

Kata kunci: Pelancongan Islam, ujrah, aktiviti kehidupan, konsep

1. Pengenalan

Pelancongan merupakan satu gaya hidup yang diperlukan oleh manusia pada masa kini untuk meluangkan masa dalam *tadabbur alam* (berfikir terhadap alam), merehatkan fikiran, melihat kelainan tempat dan pelbagai tujuan. Secara amalnya, ianya adalah aktiviti yang menggunakan pergerakan fizikal, bermula daripada tempat tinggal sehingga keluar ke suatu tempat yang lain untuk bercuti.

Industri pelancongan ini berkembang pesat turut melibatkan kaum muslimin. Pelancongan ini dikaitkan dengan ajaran Islam untuk melihat nilai-nilai Islam boleh diterapkan pada industri berkenaan, bahkan ianya dikategorikan sebagai penyumbang berkembangnya industri halal dan ramai yang ambil perhatian akan pelancongan Islam. Menurut Sarah (2012) satu kajian yang dijalankan oleh sebuah agensi pemasaran, sektor pelancongan dikelaskan sebagai sektor ketiga terbesar dunia mempunyai permintaan produk dan perkhidmatan halal selepas industri makanan dan kosmetik. Senario ini bertepatan dengan data yang menyatakan menjelang tahun 2025, satu pertiga daripada penduduk dunia ialah tergolong dari kalangan umat Islam (Navid, 2012). Manakala rujukan kepada statistik pelancongan ke dalam negara mendapati 22 peratus daripada keseluruhan pengunjung adalah daripada kalangan pelancong Muslim (Abdul Ghani, 2013). Data-data dirujuk merupakan antara gambaran awal kepada perkembangan semula pelancongan Islam. Konsep pelancongan Islam yang dibuka semula ini

¹ Kertas kerja ini disediakan untuk dibentangkan di International Conference on Syariah and Law 2021. Pada 6th April 2021 (Selasa) secara Online Conference. Anjuran: Faculty of Syariah & Law (FSU), Kolej University Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 4300 Kajang, Selangor, Malaysia.

banyak mendapat perhatian dan galakan daripada banyak pihak agar dikembangkan. Al-Hamarneh & Steiner (2004) menyarankan agar negara Islam terutamanya memfokuskan kepentingan pemasaran kepada pelancongan intra-Muslim sebagai sasaran pasaran dan destinasi pelancongan. Dalam konsep pelancongan, peningkatan sesuatu perkhidmatan produk adalah satu faktor yang berkait rapat antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa elemen penting di dalam sektor ini adalah pelancong, tempat, dan perkhidmatan. Oleh itu, perlu kajian yang membahaskan pelancongan Islam untuk lebih melihat mendalam konsep dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Ujrah merupakan satu elemen yang terkandung dalam transaksi muamalah. Tidak dinafikan bahawa konsep ujrah memberi pendedahkan kepada individu dan industry akan satu pentingnya pengaplikasian ujrah dalam bidang mumalah. Justeru, kajian ini menjelaskan pentingnya ujrah yang menjadi asas dan prinsip transaksi pelancongan.

2. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai obektif sebagaimana berikut:

1. Menjelaskan pelancongan Islam dan produk perkhidmatannya.
2. Mengenalpasti konsep ujrah dalam muamalah Islam
3. Menganalisis system pelancongan Islam berasaskan ujrah.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan pengambilan data daripada sumber perpustakaan dan internet. Ia merupakan usaha mengumpulkan data yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi menghasilkan dapatan kajian yang dirancang untuk menyelesaikan masalah kajian. Bagi membentuk konsep dan teori kajian, maka rujukan dibuat terhadap koleksi bahan-bahan bacaan semasa yang terdapat di dalam perpustakaan bagi tajuk yang berkaitan. Kebanyakan rujukan adalah berasaskan kepada pembacaan daripada makalah, jurnal dan artikel dalam bidang yang berkaitan. Rujukan juga dibuat dengan melayari internet dan kebanyakan rujukan adalah daripada laman sesawang.

4. Dapatan Kajian

4.1 Pelancongan

Pelancongan menurut perspektif Islam mempunyai makna yang luas dan boleh dibahagi kepada beberapa pecahan istilah. Antaranya: istilah *rehlah*, *ziyarah*, *siyahah*, *umrah* dan *haji*, yang mempunyai pengertian yang umum merujuk kepada pelancongan, tetapi ia mempunyai konsep dan pendekatan yang berbeza. (Hasan et al. 2010).

4.1.1 Rehlah:

Rehlah didefinisikan sebagai berkumpul pada satu tempat atau kawasan sama ada ditepi pantai, air terjun, hutan lipur dan sebagainya bagi melakukan kegiatan bercuti atau rekreasi bersama keluarga atau teman. (Hasan et al: 2010)

4.1.2 Ziarah:

Manakala “Zara” adalah perkataan Arab yang bermaksud melawat ke tempat suci seperti Mekah atau pergi melihat serta mengunjungi tempat orang seperti melawat keluarga atau teman.

4.1.3 Siyahah:

“Siyahah” juga berasal daripada perkataan Arab iaitu “Saha” yang bererti mengembara dibumi. Istilah “Siyahah” didefinisikan sebagai pengembaraan dan pelancongan manakala “Saih” dalam bahasa Arab bermaksud pelancong.

4.1.4 Umrah dan Haji:

Umrah merupakan perkataan Arab yang membawa maksud ibadat yang mengandungi beberapa perbuatan (ihram, tawaf, saie dan tahlul) wajib Haji. Manakala Haji pula merupakan rukun Islam yang kelima yang memerlukan seseorang Islam yang cukup syaratnya untuk pergi ke Makkah bagi menunaikan beberapa ibadat yang berkaitan dengan fardu itu.

Pelancongan amat berhubung rapat dengan safar (bepergian), yang melakukannya adalah musafir. Takrifan musafir, memberi maksud sebagai *rehlah, siyahah, hijrah dan riadah*. Kalimat-kalimat ini merangkumi urusan seperti perniagaan, menuntut ilmu, berdakwah, melihat kejadian alam, mendapat maklumat dan iktibar, kesihatan, rihlah, kekeluargaan, persahabatan dan berlindung daripada ancaman serta perubahan sikap untuk mencari keredaan Allah SWT (Pusat Kajian Strategik Kelantan, n.d.). Perkara ini turut diperjelaskan oleh (Asmak & Fatimah, 2010) bahawa semua istilah dinyatakan ini tercatat di dalam Al-Quran yang merupakan gesaan dan galakan kepada umatNya. Ia dianggap sebagai ibadah di dalam Islam jika dilaksanakan dengan niat yang betul. Galakan melancong dijelaskan secara umum dalam salah satu ayat di dalam Al Quran, al-Mulk 67: 15, yang bunyinya:

﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۚ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ﴾


Maksudnya:

Dia lah Yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki Yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).

Seterusnya, definisi pelancongan Islam mengikut kefahaman penyelidikan. Mengikut (Shakiri, 2006) pelancongan Islam tidak hanya terhad kepada pelancongan berbentuk motivasi agama semata-mata tetapi ia merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. (Henderson, 2009) berpendapat ia merujuk kepada pelancong yang meletakkan pertimbangan agama sebagai suatu kepentingan walaupun ia bukan motif perjalanan yang utama. Menurut Duman (2011) pula berpandangan, segala aktiviti yang dilakukan orang Islam semasa melancong berpunca daripada kepercayaan dan kepatuhan kepada prinsip-prinsip syarak. Ada yang berpendapat, pelancongan Islam merujuk kepada pelancong Islam yang mengembara ke destinasi atas tujuan keagamaan (Zamani-Farahani & Henderson: 2010). Kerana tujuan atau matlamat seseorang individu mengembara atau melancong merupakan dorongan untuk mengabdikan diri mereka kepada Allah SWT, serta pada masa yang sama menitik beratkan penggunaan perkhidmatan yang berteraskan prinsip-prinsip syarak.

Pelancongan menurut perspektif Syariah ini telah diringkaskan dalam carta 1, sebagaimana berikut:

Carta 1. Pelancongan Menurut Perspektif Syariah



4.2 Ujah

Ujah mengikut dari sudut Bahasa adalah upah, ganjaran, gaji, bayaran atau sewa. (Kamus bahasa Melayu Utusan, 1995). Kalimat Ujah (أجرة) berasal dari kalimat (أجر), dan seperti yang dinyatakan Ibn Manzur dalam Lisan Al-'Arab, kalimat *ajara* bererti : (العمل على الجراء) iaitu habuan atau balasan atas pekerjaan, usaha, dan amalan. (Ibnu Manzur, 1990). Selain itu, kalimat ujah boleh diertikan sebagai balasan pahala yang diberi atas amalan, seperti firman Allah SWT dalam surah An-Nahl 16: 97,

﴿مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

Pengertian ujah dari segi istilah: (عوض العمل) yang bermaksud habuan daripada pekerjaan. Ada juga beberapa definasi yang hamper sama dan dicabangkan dari ujah. Ujah membawa makna kepada kaunter nilai yang khusus untuk kerja tertentu atau manfaatnya. (ISRA, 2010).

Dalam sudut fiqh pula, upah diistilahkan sebagai ijarah. Dari segi penggunaan istilah, ia juga merangkumi sewa. Merujuk kepada kebanyakan takrif-takrif Fuqaha ketika mentakrif Ijarah didapati bahawa mereka menggunakan istilah bayaran upah dan ada juga Fuqaha yang memberi pengertian ujah.

(العوض الذي يدفعه المستأجر للمأجر في مقابلة المنفعة التي يأخذها منه)

Maksudnya:

Bayaran upah yang diberikannya oleh kepada ajir ke atas Manfaat yang didapati dari padanya. (Al-Mawardi, 1994)

(العوض الذي في مقابلة المنفعة)

Maksudnya:

Bayaran Upah ke atas Manfaat

(بدل المنفعة)

Maksudnya:

Gantian (bayaran) keatas Manfaat. (Rustum, 1993)

(العوض الذي يعطيه المستأجر للمأجر في مقابلة المنفعة التي يستوفيه من العين المؤجرة أو في مقابل العمل الذي يقوم به المؤجر - العمل - له)

Maksudnya:

Bayaran upah yang diberikannya oleh Musta'jir kepada Mu'ajir ke atas Manfaat yang didapati dari Ijarah atau pekerjaan dan perkhidmatan yang di lakukan oleh Mu'ajir (Abdul Qadir: 1992).

Dari pengertian diatas dapat dirumuskan bahawa ujah merupakan satu penghargaan atau jasa yang diperolehi daripada majikan kepada pekerja dalam menghasilkan sesuatu produk, sama ada dalam bentuk manfaat atau pekerjaan.

4.2.1 Dalil Pensyariatan Ujah

Ijarah merupakan sebuah aqad yang digunakan dalam mumalah Islam dan dihukumkan *harus* atau *boleh*. Allah Taala menjadikannya sebagai salah satu aqad yang memudahkan urusan hidup manusia. Para Fuqaha bersepakat bahawa ujah seperti dihukumkan di atas dengan berdasarkan kepada dalil-dalil dari Al-Quran, Al-Sunnah dan Al-Ijma melalui penjelasan dalil-dalil sepertimana berikut:

i. Al-Quran:

Firman Allah Taala dalam surah al-Talaq 65: 6

﴿أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَمْرُهُمْ بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاَسَرْتُمْ فَسَرِّضْ لَهُ أُخْرَىٰ﴾

Maksudnya:

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Ayat diatas menjelaskan bahawa Allah Taala memerintahkan para bapa supaya memberikan ganjaran sebagai upah kepada penyusuan anak mereka. Berdasarkan ayat ini, upah menjadi hak penyusu dan sudah tentu mereka tidak berhad menerima upah ini melainkan melalui kontrak tertentu. Ini kerana jika mereka menyusukan anak tanpa sebarang kontrak, perbuatan mereka dianggap sebagai sukarela. Orang yang melakukan sesuatu secara sukarela tidak berhak mendapat apa-apa bayaran. Dengan ini ayat ini menjadi dalil bahawa kontrak ini bertepatan dengan syarak.

ii. *Al-Sunnah:*

"عن أبي هريرة رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ومن استأجر أجيروا فليعلمه أجره"

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA berkata: Bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang memperkerjakan seseorang, maka hendaklah ia memberitahukan kadar upahnya. (Al-Baihaqi, 1992)

عن ابن عباس رضي الله عنهما، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إن أحق ما أخذتم عليه أجرًا كتاب الله.
(أخرجه البخاري)

Maksudnya:

Daripada Ibnu Abbas R.A. bahawanya Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya sesuatu yang lebih berhak kamu mengambil upahnya atasnya ialah Kitab Allah"

Hadith ini menunjukkan bahawa mengajar Al-Quran boleh minta upah. Menurut Jumhur ulama dari Mazhab Malik dan Imam Syafie berpendapat boleh meminta upah mengajar Al-Quran. Namun sebahagian Ulama lain berpendapat tidak boleh. (Ibnu Hajar Al-Al-Asqalani, 1989)

عن ابن عباس رضي الله عنهما قال: احتجم رسول الله صلى الله عليه وسلم وأعطى الذي حجه أجره. ولو كان حراماً لم يعطه. (رواه البخاري)

Maksudnya:

Ibn Abbas R.A. menceritakan bahawa Rasulullah SAW berbekam, lalu Beliau membayar upah kepada orang yang membekam itu. Andaikata cara itu haram, tentulah Beliau tidak membayarnya.

Namun demikian, pelaksanaan ujrah bagi seseorang yang melakukan ibadah yang boleh diwakilkan adalah sah hukumnya, walaupun ibadah tersebut memerlukan niat. Seperti seseorang mengupah untuk melakukan haji bagi pihak yang tidak berupaya atau telah meninggal dunia adalah sah. Begitu juga dengan puasa bagi pihak orang yang telah meninggal dunia. Termasuklah ibadah korban, sembelihan, haji dan mengagihkan zakat. Ini kerana semua ibadah ini dibenarkan oleh syara' untuk dilakukan oleh wakil bagi pihak yang dipertanggungjawabkan.

iii. *Al-Ijma*

Menurut ijma dari kalangan sahabat, tabiin, semua fuqaha' pada zaman awal Islam serta kalangan fuqaha mutakhir seperti Imam Abu Hanifah, Malik, Shafie dan Ahmad bin Hanbal kontrak upah adalah *harus*. Ini kerana golongan tersebut telah berijma meng*haruskan* sewa atau upah kerana manusia memerlukan “manfaat” sama seperti mereka memerlukan sesuatu barang. Oleh itu, apabila kontrak di*haruskan* maka demikian jugalah kontrak sewa atau upah ke atas manfaat. Disamping itu, ianya merupakan satu keperluan kerana manusia saling perlu memerlukan di antara satu sama lain. Demikian juga apabila seseorang memerlukan bantuan perkhidmatan, perlu membayar upah di atas perkhidmatan dan manfaat yang telah diperolehi hasil daripada pekerjaan yang telah dilakukan oleh orang lain.

Namun demikian, terdapat juga sebahagian golongan mutakhir seperti Abi Bakar Al-Asam dan Ibn Aliyyah yang berpendapat sebaliknya. Mereka berpendapat tidak harus mengambil upah. Tetapi itu hanyalah keraguan mereka sahaja, bukan dihukumkan sebagai tidak boleh langsung beramal dengannya. Walau bagaimanapun, perselisihan ini tidak dianggap sebagai ijtihad yang sah kerana ia bertentangan dengan nas yang sah dan jelas dari al-Quran dan al-Sunnah. (Suzana Binti Jumani: 2002)

4.3 Prinsip-Prinsip Ujrah Dalam Sektor Pelancongan

Secara teori, konsep ujrah telah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 28 Julai 2008, konsep ini juga memberi prioriti dari segi keseimbangan, keadilan, kebaikan, kebenaran dan kesempurnaan dalam pelaksanaannya. Seterusnya ia dapat menghasilkan perkhidmatan yang terbaik kepada syarikat, masyarakat serta ummah. Disini letaknya konsep “ujrah” dalam transaksi sesuatu produk supaya penjelasan tentang ujrah ini dapat menggambarkan kepada masyarakat diluar sana mengenai kepentingan konsep ini dilaksanakan.

Seterusnya, konsep ini melakarkan dalam syarikat atau agensi-agensi yang bergiat dalam industri pelancongan supaya syarikat tersebut lebih kompetitif dan mengembangkan pertubuhan ekonomi. Seperti mana dimaklumkan bahawa industri pelancongan di Malaysia telah melakarkan perkembangan yang positif. Justeru itu, syarikat yang beragensi pelancongan memfokuskan produk yang menggunakan perkhidmatan halal serta pada masa yang sama ia bersaing secara kompetitif di pasaran global.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa Islam telah mengemukakan satu pegangan yang amat mudah dan jelas dalam penyelesaian masalah ujrah demi menjaga kepentingan pekerja-pekerja dalam sesebuah syarikat. Penggunaan konsep ini menunjukkan cara pelaksanaan yang paling saksama tanpa ada sikap pilih kasih atau penindasan pada mana-mana pihak. Setiap hasil keluaran yang mereka laksana akan mendapat ganjaran bahagian masing-masing dengan cara yang sah tanpa ada unsur-unsur kezaliman pada pihak lain. Allah Taala berfirman dalam surah al-Baqarah 2: 79,

﴿فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُمُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ
أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ﴾

Maksudnya:

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lahu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu.

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap dalam urusan tidak mengkhianati orang lain dan tidak pula merosakkan kepentingan diri sendiri. Menganiayai pekerja bererti mereka tidak membayar upah dengan cara yang adil berdasarkan hasil usaha mereka dengan kadar yang munasabah melalui khidmat mereka. Jelaslah bahawa al-Quran memerintahkan para majikan supaya membayar upah pekerja selaras dengan tugas yang mereka lakukan. Sekiranya mereka tidak mematuhi perintah al-Quran, mereka akan dianggap sebagai sebagai penjenayah dan penceroboh. Oleh itu, sekiranya didunia mereka akan dihukum dengan undang-undang negara tetapi mereka tidak akan terlepas dengan hukuman di akhirat kelak yang setimpal dengan kesalahan mereka. Pekerja juga akan digelar sebagai penceroboh sekiranya mereka memaksa majikan membayar ujurah melebihi keupayaan mereka. Ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan perlu dipupuk dalam sektor ini.

4.4. *Kepentingan Produk Sektor Pelancongan Berasaskan Ujurah*

Secara umumnya ia dikaitkan dengan kepentingan dari segi ekonomi, bahawa sektor pelancongan dapat meningkatkan pendapatan ekonomi negara, malah dalam sektor pelancongan mempunyai agensi-agensi yang menggerakkan produk-produk yang bergantung kepada penawaran perkhidmatan yang mereka sediakan. Seperti syarikat travel yang merupakan salah satu syarikat yang menawarkan dan mengendalikan perkhidmatan yang murah serta dapat memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan. Dengan ini, syarikat tersebut mendapat permintaan dan sambutan yang mengalakkan. Selain itu, agensi-agensi travel Malaysia juga pandai mengambil peluang dalam tarikan orang ramai dalam menyertai produk mereka seperti mereka menyediakan pakej-pakej pelancongan yang kompetitif mengikut musim. Mereka juga mengadakan pengiklanan produk mereka melalui media sosial serta melaksanakan karnival diseluruh negeri. Tujuan mereka supaya dapat menghebahkan kehebatan produk mereka dari segi perkhidmatan yang mereka sediakan.

Dengan demikian, sesebuah syarikat menyediakan perkhidmatan pekerja-pekerja serta penasihat yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang pelancongan yang mana memberi keutamaan dalam menggunakan konsep ujurah. Salah satu pakej yang ditawarkan adalah upah haji dan umrah. Setiap upah tersebut agensi ini akan mewakili petugasnya untuk mengerjakan upah haji atau badal haji dan umrah dari kalangan yang dipercayai. Antaranya iaitu orang Arab berketurunan Patani, Para Tahfiz, Pengajar dan Ustaz yang menetap di Kota Makkah Al-Mukaramah yang mempunyai pengalaman luas dalam mengerjakan Haji dan Umrah. Wakil daripada agensi tersebut akan menghubungi pengupah terus setelah selesai menunaikan tugasannya dengan menyatakan tentang Badal Haji yang telah disempurnakan di Tanah Suci pada musim tersebut.

4.5 *Aplikasi Konsep Ujurah Pada Sektor Pelancongan*

Sejarah awalnya sistem ujurah telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW, tetapi yang membezakan zaman Rasulullah SAW dengan zaman sekarang adalah keadaan pembayaran ujurah mengikut kadar kerja dan perkhidmatan yang diguna. Pada zaman sekarang caj ujurah boleh dikenakan dalam berbagai-bagai cara dan khidmat yang dinamakan seperti performance fee, administration fee, operational fee dan sebagainya. Secara luarannya penggunaan sistem ujurah tidak digunakan untuk pembiayaan tetapi lebih cenderung digunakan untuk mengenakan bayaran sesuatu khidmat dan sebagainya. Sebagai contohnya, dalam pembelian sesebuah kereta, harga sebuah kereta bernilai \$100,000 juta termasuk 'sales tax', on-the-road cost dan komisyen penjual bank membelanjakan \$100,000 juta untuk harga kereta. Pembayaran mereka dikira ujurah kepada bank, kerana bank sebagai pemberi perkhidmatan yang manfaat kepada

mereka. 2% dari harga kereta (\$100,000) untuk mengendalikan pembayaran, kos kakitangan, pejabat dan termasuk kos risiko atas pemberian wang modal dalam cagahan kereta.

Bagi cara pengiraan peratusan ujrah bergantung pada perkhidmatan produk yang dilaksanakan. Malah, Al-Quran tidak menetapkan sebagaimana kiraan upah itu dilaksanakan. Tetapi diberi kelonggaran daripada panduan mazhab Syafie dan panduan ini juga boleh diijtihadkan mengikut kadar yang berpatutan, dan kebanyakan kadar ini dipersetujui oleh Majlis Fatwa masing-masing untuk menetapkannya. Mengikut Al-Qardhawi (1996) beliau lebih cenderung kepada kesederhanaan, iaitu ujrah pekerja tidak terlalu kecil dan tidak terlalu berlebihan.

Kajian Perbadanan Produktiviti Negara (2005) menunjukkan bahawa pelaksanaan Sistem Upah Berkait Produktiviti (SUBP) akan memberikan manfaat kepada syarikat kerana sistem ini akan memastikan bahawa peningkatan upah akan diiringi oleh peningkatan produktiviti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan daya saing firma. Selain itu, hasil kajian (Mansor & Chew, 1998) menunjukkan kewujudan hubungan jangka panjang antara upah, tingkat harga dan produktiviti pekerja di Malaysia.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat kita lihat bahawa penglibatan produk perkhidmatan dalam sektor pelancongan Islam memberi kepentingan dalam peningkatan pendapatan negara. Lebih menarik lagi dengan adanya sektor ini yang berasaskan Islam pelaksanaannya menjadi lebih menarik dan teratur. Seperti mana diketahui Islam adalah agama yang lengkap yang merangkumi semua aspek dalam kehidupan manusia.

Pelaksanaan ujrah dalam sektor pelancongan merupakan satu amalan yang sejajar dengan ajaran Islam. Menurut prinsip-prinsip pelaksanaan yang berasaskan Islam, bukan sahaja dapat memberi keadilan dalam sumbangan kepada manusia malah mendapat keredhaan Allah SWT. Islam tidak menggalakkan umatnya melakukan kezaliman kepada memberi ujrah dalam perkhidmatan tetapi memberi keadilan mengikut prinsip-prinsip yang digariskan dalam Islam. Seumpamanya Rasulullah SAW membenarkan orang Islam berurusan perniagaan dengan orang Yahudi dan kafir tujuannya untuk membangunkan produk-produk Islam dalam pasaran orang bukan Islam, dengan meletakkan prinsip-prinsip keadilan yang berlandaskan Syariah.

Rujukan

- Al-Baihaqi. (1992). Sunan Qubrah. Bairut: Dar al-ma'rifah. Juz.6. p. 120.
- Al-Hamarneh, A., & Steiner, C. (2004). Islamic tourism: Rethinking the strategies of tourism development in the Arab world after September 11, 2001. *Comparative Studies of South Asia, Africa and the Middle East*, 24 (1), 18– 27. http://www.staff.uni-mainz.de/steinec/Publikationen/hamarneh-steiner_islamic_tourism2004.pdf (accessed on Februari 7, 2021).
- Al-Mawardi. (1994). *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. juz.7.p. 392.
- Al-Qardhawi. 1996. *Hukum Zakat: Studi Komparatif Mengenai Status dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur'an dan hadis*. Cetakan ke-4. Hal. 556.
- Abdul Ghani, A. (2013, March). Malaysia destinasi utama pelancongan Islam. *Dewan Budaya*, 10 – 17.
- Abdul Qadir. (1992). *Al-Wasit fi Aqd Al-Ijarah fi Al-Fiqh Al-Islami*. Cairo: Dar al-Nahdhah al-Arbiah. hlm.109.

- Asmak, A., & Fatimah, S. (2010). Pelancongan dari perspektif Islam. In M. A. Yakob, H. Ismail, & T. Ibrahim (Eds.), *Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010*. Hlm. 52–63. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Duman, T. (2011). Value of Islamic tourism offering: Perspectives from the Turkish experience. International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia. Retrieved March 12, 2012, from <http://www.iais.org.my/e/attach/ppts/12-13JUL2011-WITF/ppts/Assoc Prof Dr Teoman Duman.> (accessed on Feb 8, 2021)
- Ibn Hajar Al-Asqalani. (1989). *Bulughul Maram*. Malaysia: Thinker's Library Sdn Bhd. hlm.535.
- Hasan, B., Mohammad Mahyuddin, K., & Mohd Ahsrof Zaki, Y. (2010). Pelancongan dari perspektif Islam: Analisis pendekatan fiqh. In Y. Mohd Asmadi, I. Huzaimah, & I. Takiyuddin (Eds.), *Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010* (pp. 1–17). Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Henderson, J. C. (2009). Islamic tourism reviewed. *Tourism Recreation Research*, 34(2), 207–211.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- ISRA. (2010). *Isra Compendium for Islamic Financial Terms*, International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance. Kuala Lumpur: ISRA.
- Mansor Jusoh & Chew, Y.F. 1998. Upah Agregat dan Produktiviti Buruh di Malaysia: Penganggaran Model Penentuan Upah dengan Pendekatan Kointegrasi. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. Vol.23. Hal. 21-37.
- Navid, A. (2012). The rise of the affluent Muslim traveller. BBC News Magazine. www.bbc.com/news/magazine-19295861 (accessed on Feb 8, 2021)
- Pusat Kajian Strategik Kelantan. (n.d.). Kertas dasar pelancongan negeri Kelantan. http://www.pks.kelantan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=14:kertas-dasar-pelancongan-negeri-kelantan&catid=16:kerajaan-tempatan-pelancongan-dan-kebudayaan&Itemid=3 (5) (accessed Feb 26, 2021).
- Rustum Baz. 1993. *Sharh Al-Majallah*. Beirut: Dar-al-Kutub al-Ilmiah. Juz.1. hlm. 233.
- Sarah, E. (2012). Making travel halal: Amid tourism troubles, some in industry see opportunity for a niche market. *Egypt Independent*. from <http://www.egyptindependent.com> (accessed on Feb 7, 2021).
- Shakri, A. S. (2006). Islamic Tourism, for whom? *Islamic Tourism Magazine*. www.islamictourism.com (accessed on Feb 10, 2021).
- Suzana Binti Jumani. (2002). *Al-ijarah: Amalannya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Zamani-Farahani, H., & Henderson, J. C. (2010). Islamic tourism and managing tourism development in Islamic societies: The cases of Iran and Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*, 12(1), 79–89.